

Kuala Lumpur: Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts), pemaju harta tanah tempatan menyasarkan sebanyak RM1.3 bilion jualan harta tanah baharu bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, bagi tahun kewangan sama, kumpulan menjangkakan pertumbuhan berterusan disokong oleh projek sedia ada, pengembangan strategik dan perniagaan pelbagai segmen.

Katanya, kumpulan turut merangka transformasi pertumbuhan baharunya dengan menyasarkan pembangunan melebihi RM20 bilion untuk dekad akan datang.

“Rancangan ini dirangka berdasarkan rekod prestasi terbuktinya bagi pertumbuhan mampan dan pengembangan perniagaan

Matrix Concepts sasar RM1.3b jualan harta tanah baharu



LEE (kiri) dan Mohamad Haslah.

strategik sebagai pemaju yang berwawasan.

Justeru, Matrix Concepts menyasarkan RM1.3 bilion jualan harta tanah baharu pada tahun kewangan terbabit, dengan barisan

pelancaran baharu melebihi nilai RM1.6 bilion, terletak secara strategik di seluruh wilayah utama termasuk Negeri Sembilan, Lembah Klang dan Johor.

“Matrix Concepts telah

mengukuhkan kedudukannya sebagai pembangun terkemuka yang mengubah landskap pengalaman hidup untuk komuniti di seluruh negara,” katanya dalam kenyataan.

Matrix Concepts melaporkan keuntungan bersih kedua tertinggi pada RM246.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024, peningkatan ketara 18.9 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan hasil RM1.3 juta, tertinggi sehingga kini.

Selain itu, jualan harta tanah baharu untuk tahun kewangan 2024 meningkat kepada RM1.25 bilion, didorong oleh permintaan kukuh merentas portfolio harta tanah terpelbagainya.